

Ucapan : ADHO

588

207/80

UCAPAN YB DATUK HUSSEIN ONN, MENTERI

PELAJARAN, MELANCARKAN KEMPEN BAHASA

INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN

PADA 21 MEI, 1973, JAM 9.15 MALAM

---

SAYA AKAN MENUMPUKAN UCAPAN INI  
KEPADA IBU-IBUBAPA, GURU-GURU DAN MURID-  
MURID DARIPADA SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN.  
WALAUPUN UCAPAN SAYA INI DIMAKSUDKAN KEPADA  
GULUNGAN-GULUNGAN INI BUAT PADA MASA SEKARANG,  
NAMUN BEGITU, IANYA ADALAH BERKAITAN DENGAN  
SETIAP ORANG DI NEGARA KITA DALAM MASA  
BEBERAPA TAHUN YANG AKAN DATANG INI.

2. SEBAGAI SATU BANGSA, KITA  
SANGATLAH BANGGA ATAS KEJAYAAN-KEJAYAAN  
YANG TELAH KITA CAPAI DALAM SEGALA BIDANG  
KEGIATAN, TERUTAMA SEKALI DALAM BIDANG PELAJARAN  
DAN PENDIDIKAN YANG MENJADI ASAS KEPADA  
SEMUA BENTUK KEMAJUAN YANG LAIN.

3. KEBANYAKAN DARIPADA  
SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN KITA TELAH  
BERUBAH RUPA DARIPADA BANGUNAN-BANGUNAN  
BURUK KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN MODEN,  
PADA HARI INI TIDAK LAGI WUJUD PERBEZAAN  
DI ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN DAN  
SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN.

4. PADA HAL, SEBELUM TAHUN 1957,  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIDAK  
WUJUD LANGSUNG, PADA HARI INI SEKOLAH-  
SEKOLAH JENIS INI MENDUDUKI TEMPAT YANG  
SANGAT PENTING DALAM SISTEM PELAJARAN KITA.  
BAHKAN MENJELANG TAHUN 1982, SEMUA PELAJARAN  
MENENGAH AKAN DIJALANKAN KESELURUHANNYA  
DALAM BAHASA MALAYSIA.

5. BERIKUTAN DENGAN PERKEMBANGAN  
PELAJARAN MENENGAH DALAM BAHASA MALAYSIA,  
KEBANYAKAN DARIPADA KURSUS-KURSUS DI UNIVERSITI-  
UNIVERSITI KITA, DIADAKAN DALAM BAHASA MALAYSIA,  
SAYA TIDAK SYAK LAGI BAHAWA BAHASA MALAYSIA  
BOLEH MENGHADAPI CABARAN-CABARAN PELAJARAN  
TINGGI.

6. KEMAJUAN YANG MENAKJUBKAN

INI TELAH DICAPAI DENGAN ADANYA PENERIMAAN

PENUH OLEH SETIAP ORANG UNTUK MENJADIKAN

BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA RASMI YANG

TUNGGAL BAGI NEGARA INI. TIDAK ADA SESIAPA-

PUN YANG MENAFIKAN TENTANG NILAI BAHASA

MALAYSIA SEBAGAI SATU ALAT UNTUK MENYATU-PADUKAN

RAKYAT NEGARA KITA. DALAM MASA BEBERAPA

TAHUN LAGI, SETIAP ORANG RAKYAT MALAYSIA AKAN

MENJADI BEGITU FASIH SEKALI DALAM BAHASA

MALAYSIA SEHINGGAKAN SUKAR UNTUK MENGATAKAN

PERBEZAAN KETURUNAN SESEORANG ITU DENGAN

BERDASARKAN PERTUTURAN SEMATA-MATA.

7. KITA RAKYAT MALAYSIA, ADALAH RAKYAT YANG BERSIFAT PRAKTIKAL. MEMANDANGKAN KEPADA NILAI BAHASA INGGERIS TERUTAMA SEKALI DALAM PELAJARAN TINGGI, PERDAGANGAN, SAINS, TEKNOLOJI DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA, KEDUA-DUA PENYATA RAZAK DAN RAHMAN TALIB TELAH MENEKAN PERI MUSTAHAKNYA BAHASA INGGERIS DAN TELAH MENJADIKAN BAHASA ITU BAHASA KEDUA YANG WAJIB DI SEMUA SEKOLAH-SEKOLAH KITA. KITA

BOLEH DENGAN BANGGANYA MENGATAKAN BAHAWA  
MUTU BAHASA INGGERIS DI MALAYSIA ADALAH  
LEBIH TINGGI DARIPADA KEBANYAKAN NEGARA  
LAIN DI DUNIA INI.

8. BAHASA INGGERIS SEDANG

DIAJAR DALAM SEMUA SEKOLAH KITA, TETAPI

KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH MURID-MURID

DARI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGGUH

MERUNSIKAN. DARI LEBIH KURANG 156,000

MURID-MURID DARI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN

YANG MENGAMBIL PEPERIKSAAN-PEPERIKSAAN BAHASA

INGGERIS DARJAH 5, S.R.P. DAN S.P.M. DALAM

TAHUN 1972, HANYA 87,000 LULUS DAN LAGI

69,000 TELAH GAGAL. DARI JUMLAH 156,000  
HANYA 117 PENUNTUT SAHAJA YANG MENGAMBIL  
MATAPELAJARAN ITU DI PERINGKAT TINGGI DAN  
DARI BILANGAN INI PULA, HANYA 75 ORANG  
SAHAJA YANG TELAH LULUS, DAN DARI MEREKA  
INI HANYA 3 ORANG SAHAJA BERJAYA MENDAPAT  
PANGKAT AMAT BAIK ATAU 'DISTINCTIONS'.

9.                   INI ADALAH SATU PERKARA  
  
YANG SANGAT SERIOUS YANG MESTI DIPERBAIKI  
  
DENGAN SERTA MERTA SEKIRANYA KITA TIDAK  
  
MAHUKAN ANAK-ANAK KITA ITU, DARI SEKOLAH-  
  
SEKOLAH KEBANGSAAN TERCICIR DI BELAKANG  
  
KANAK-KANAK LAIN.    KITA TIDAK BOLEH  
  
SENTIASA MENYALAHKAN GURU-GURU TETAPI Mencari  
  
SEBAB-SEBAB KEGAGALAN ITU DI LAIN-LAIN  
  
TEMPAT.

10. BARANG SIAPA YANG MENGUSULKAN SUPAYA MURID-MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN TIDAK PERLU MEMPELAJARI BAHASA INGGERIS ADALAH BERTENTANGAN DENGAN KEPENTINGAN ORANG-ORANG MELAYU SENDIRI DAN JUGA NEGARA. ANAK-ANAK MELAYU SAMA PANDAINYA DENGAN ANAK-ANAK BANGSA LAIN, TETAPI MEREKA MESTILAH MENGUBAH SIKAP MEREKA TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS.

11. SAYA SUKA MENEGASKAN  
LAGI AKAN PERI MUSTAHAKNYA PENGETAHUAN  
BAHASA INGGERIS YANG BAIK OLEH KERANA  
KEDUDUKAN BAHASA ITU DI BIDANG-BIDANG  
SAINS, TEKNOLOGI, PERDAGANGAN DAN HAL  
EHWAL ANTARA BANGSA. SEKIRANYA KITA ORANG  
MELAYU BERKEHENDAKKAN NEGARA KITA MAJU DAN  
MENGEKALKAN KEDUDUKANNYA DI DUNIA INI, MAKA  
KITA MESTILAH MENUKARKAN SIKAP KITA TERHADAP  
PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS.

12. PADA HARI INI, SEBILANGAN  
BESAR DARIPADA BUKU-BUKU MENGENAI PELAJARAN  
TINGGI IALAH DALAM BAHASA INGGERIS. MEMANDANG-  
KAN PERKEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN YANG BEGITU  
PESAT DALAM BIDANG SAINS, TEKNOLOJI DAN  
BIDANG-BIDANG LAIN, ADALAH TIDAK MUNGKIN,  
BAIK DARI SEGI TENAGA MANUSIA MAHUPUN DARI  
SEGI EKONOMI, UNTUK MENTERJEMAHKAN SEGALA  
BAHAN KE DALAM BAHASA MALAYSIA, UNTUK MENGIKUTI

PERKEMBANGAN YANG BEGITU PESAT DI DALAM  
SEMUA BIDANG, MAKA KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS  
YANG BAIK AMATLAH MUSTAHAK.

13.

KEMENTERIAN PELAJARAN

SEDAR AKAN MASALAH INI DAN TELAHPUN

MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH TERTENTU,

SUKATAN-SUKATAN PELAJARAN BAHASA INGGERIS

TELAH DISEMAK SEMULA; PEGAWAI-PEGAWAI KHAS

TELAH DIPILIH DAN DIBERI LATIHAN DALAM

TEKNIK-TEKNIK BARU MENGAJAR BAHASA INGGERIS;

PEGAWAI-PEGAWAI KHAS INI PULA SEDANG MEMBERI

LATIHAN SEMULA KEPADA GURU-GURU YANG LAIN;

PENILAIAN KAEDAH-KAEDAH MENGAJAR DAN  
PEMBELAJARAN SENTIASA DIKAJI; DAN SEMUA  
YAYASAN-YAYASAN LATIHAN GURU SEDANG MELATIH  
BAKAL GURU-GURU DALAM KAEDAH-KAEDAH BARU  
MENGAJAR BAHASA INGGERIS.





SUPAYA ORANG-ORANG MELAYU TIDAK KETINGGALAN  
DI BELAKANG, KITA HENDAKLAH MELIPAT-  
GANDAKAN USAHA-USAHA KITA UNTUK MEMPELAJARI  
BAHASA INGGERIS DI SAMPING BAHASA MALAYSIA.



No. Siri	551
No. Penerimaan	196/80